

95-765

TUAN GURU NIK ABD. AZIZ

**PERANAN
ULAMA
DALAM
POLITIK**

Cetakan pertama: 1994

HAKCIPTA TERPELIHARA. Tidak dibenarkan mengeluarulang mana-mana bahagian dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik rakanan atau lain-lain sebelum mendapat izin ber-tulis daripada penulis.

Diterbitkan oleh:

GG Edar
28, Jalan Pahang Barat,
Islamic City,
53000 Kuala Lumpur
Tel: 03-4227325.

Atur Huruf:

Lukman Ahmad

M

324 2595P

NAP

Dicetak oleh:

Dicetak oleh:
Percetakan As Saff.
Taman Intan, Klang, Tel: 03-3430043

APB 713004

06 OCT 1994

NASKHAR PEMERLIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Motto:

Membangun Bersama Islam



YAB Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz

KANDUNGAN

1. Dari penerbit dan penyusun	6
2. Sedikit tentang YAB Tuan Guru	8
3. Peranan Ulamak Dalam Politik: Pendekatan (Taqrib) Mazhab-Mazhab	11
4. Lampiran I Perutusan Imam Khomeini kepada Presiden Mikhail Gorbachev	24
5. Lampiran II Khomeini sebagai Politikus: Wawancara Khas dengan Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang	31
6. Lampiran III	
a. Kelantan Membangun Bersama Islam.	40
b. Harapan Ekonomi Kelantan Cerah. - Ucapan YAB Tuan Guru.	49
c. Maksiat merebak keluar Kelantan temuramah dengan YAB Tuan Guru.	58

serta minta mengkaji Islam dengan menonjolkan nama-nama Al Farabi dan Ibnu Sina, sungguh luar biasa mengingatkan kita dengan surat-surat kiriman Rasulullah SAW kepada presiden-presiden dunia dan kuasa-kuasa besar semasa itu, seperti kepada Al-Mukaukis Presiden Mesir, Harkal Presiden Rom, Biz Natin dan Kasri Presiden Iran dan Al Najasy di Benua Afrika.

(*Sila libat lampiran I*).

Imam Khomeini adalah ulama. Diakui oleh lawan dan kawan. Sejak kecil sampai matinya, oleh orang Islam. Lebih-lebih lagi oleh orang kafir.

Tokoh-tokoh kafir antarabangsa memburunya kerana revolusi yang beliau pimpin bukan macam revolusi Indonesia, revolusi Mesir, revolusi Iraq, revolusi Perancis dan Bolshevik di Rusia, tapi revolusi menonjolkan Islam yang bukan sahaja sekadar membela hak golongan miskin mengenai upahan kerja, layanan hospital dan tempat kediaman sahaja, tapi:

"Untuk menarik keluar seluruh manusia dari berabdi kepada sesama manusia kepada berabdi kepada Allah. Dari kezaliman agama-agama kepada keadilan Islam dan kesempitan dunia kepada keluasan akhirat."

Di antara senjata canggih yang cukup tepat menikam kalbu musuh ialah: Menyatukan dunia dengan akhirat, menyatukan langit dengan bumi dan menyatukan agama dengan politik. Di mana usaha membelah dua perkara tadi telah begitu lama diusahakan oleh musuh Islam sejak dulu hingga kiamat.

Imam Khomeini telah memusnahkan segala teori yang dieksport oleh musuh Islam tadi ke dunia Islam dengan

lidah yang tajam dan hujahnya yang melumpuhkan sendi tulang lawan.

(Sila libat lampiran II)

Fahaman umat Islam telah diterbalikkan oleh musuh. Contohnya: Kewajipan memikul urusan khalifah telah dianggap amalan hina atau kotor yang tidak layak untuk disertai oleh alim ulama. Penjahah berjaya menanam rasa jijik terhadap politik, sehingga selera para ulama untuk menyertai urusan kepimpinan terhalang dan tinggallah umat hanyut dengan pegangan mereka bahawa urusan ini adalah urusan keduniaan semata-mata, yang tidak memerlukan sama ada campurtangan atau juga bimbingan Islam.

Umat Islam seakan terlupa bahawa Rasulullah SAW selaku bapa para alim ulama adalah seorang negarawan yang menerajui kepimpinan umat.

Penglibatan baginda dalam bidang politik bukan sahaja boleh disorot dari kedudukannya sebagai ketua negara Islam yang berpusat di Madinah, tetapi juga boleh dilihat dalam program dan rangka kerja baginda sebagai seorang Rasul.

Ambil sahaja peristiwa hijrah, kerana kita sekarang berada di bulan Muharam, atau awal tahun Hijrah.

Peristiwa ini penuh dengan perkiraan siasah. Rasulullah SAW meminta Ali berbaring di rumah baginda, bagi melekakan Quraisy yang sedang melakukan kepungan. Baginda memilih jalan kampung dan bukannya lebuhraya ketika berjalan menuju Madinah. Baginda menggunakan tenaga Abdullah yang masih kafir sebagai pemandu jalan kampung supaya tidak tercoret.

Baginda mengarahkan iparnya, Abdullah, anak Saidina Abu Bakar datang di waktu malam ke gua tempat persembunyiannya serta mengarahkan kambing-kambing ternakan mengekori dari belakang, dengan tujuan jejak kambing akan menghilangkan jejak kaki Abdullah itu sendiri supaya baginda tidak terputus dengan maklumat semasa melalui peranan kedua-dua iparnya Abdullah dan Asmah binti Abu Bakar sebagai pegawai logistik dan ada yang menjadi pegawai komunikasi pembawa berita.

Sebelum itu, Baginda telah pun melantik dua belas orang nuqaba', sebagai ketua cawangan di kampung masing-masing, iaitu tokoh-tokoh dari Madinah yang telah dikenalpasti sakhsyiahnya semasa beliau berkempen dari rumah ke rumah (khemah ke khemah) di Padang Mina semasa menunai ibadat haji (melontar jamrah) dan telah berikrar membantu Rasulullah SAW setiba Baginda di Madinah kelak. Di Madinah pula Baginda mengambil langkah menyatukan Ansar dan Muhajirin, melalui program perpaduan ummah.

Dengan itu, Hijrah sendiri mendedahkan strategi yang begitu teratur dan menukar seluruh percaturan dan senario politik selepasnya. Quraisy bukan sahaja terpinga-pinga melihat Saidina Ali sebenarnya yang sedang terbaring di rumah Nabi, malah dari langkah Hijrah yang penuh dramatik inilah membolehkan hampir lapan tahun kemudiannya, Rasulullah SAW sudah memimpin sahabat-sahabatnya yang sekaligus menjadi tentera baginda untuk tiba semula di Mekah, dengan segala kekuatannya.

Ini semua adalah contoh yang kecil tentang penglibatan Rasulullah SAW di bidang strategi dan siasat.

Imam Khomeini adalah gelombang yang mempersepatkan pemulihian kesedaran umat tentang tanggungjawab para ulama di bidang siasah, serta intimnya siasah dengan kedaulatan agama Allah di muka bumi ini.

Seluruh nadi Islam disedarkan kembali dengan wibawa ulama. Malah mereka juga mula sedar bahawa kepimpinan umat sebenarnya mesti dipandu oleh ulama. Kepimpinan ulama berada di ufuk yang sangat berbeza dari kepimpinan sekularis yang menerajui ummah ini.

Dari kata-kata Imam Khomeini mengenai ulama haid dan Nifas, yang wujud di Iran, yang langsung tidak tersentak hati mereka tentang nasib umat yang bergelumang dengan kafir disebabkan sistem dan corak hidup mereka yang telah bermaharajalela, nyatalah kepada kita bahawa sama ada dunia Sunni mahu pun Syiah, fahaman sekular adalah satu realiti di kalangan kedua-dua golongan umat Islam.

Kebangkitan Khomeini bersama revolusi yang dipimpinnya juga adalah satu realiti kesedaran yang melintasi batas Sunni — Syiah. Umat Islam Sunni juga menerima semangat dan kesedaran dari kepimpinan beliau.

Imam Khomeini telah menonjol sebagai tokoh ummah. Kewarakannya, zahid, ketegasan cita-citanya dan seruan-seruan perjuangannya yang bersifat universal, melampaui batas Sunni dan Syiah, benar-benar menjadi daya tarik sehingga Islam Sunni juga tidak tertahan dari mengakui kepimpinannya.

Salah satu seruan beliau itu berbunyi:

Al Quranul Karim dan kiblat mereka adalah Kaabah. Bersatulah. Kembalilah kepada Allah, berlindunglah dengan Islam dan tentanglah kuasa penindas dan sesiapa yang mencabuli ummah."

Dalam kata-kata yang lain, yang diucapkan pada 14 September 1979, Khomeini menyebut:

"Adalah sewajarnya umat Islam menjadi sebatang tangan sahaja di dalam menghadapi para penindas."

Pada bulan November tahun yang sama, Khomeini berkata:

"Kita merupakan saudara Islam kepada seluruh umat Islam serta berkongsi segala kegembiraan dan kesedihan mereka."

Kata-kata Khomeini, bahawa umat Islam adalah umat yang satu yang terpaksa berhadapan dengan musuh-musuh yang sama, dibenarkan oleh konsfirasi musuh-musuh Islam terhadap republik Islam yang baru diasaskan itu. Ketika kita sedang mengambil kira antara Sunni dan Syiah, adakah Syiah itu kafir dan adakah Sunni perlu ditukar menjadi Syiah. Amerika dan rakannya menganggap Islam adalah sama sahaja. Islam adalah satu ancaman kepada mereka, sama ada kebangkitan Islam di Iran yang berlatar belakangkan Syiah atau kebangkitan di Algeria dan Afghanistan yang berlatar belakangkan Sunni, semuanya mesti dihalangi.

Serangan-serangan luar ke atas Iran dalam percubaan meruntuhkan Iran, telah menampilkan lagi kepimpinan Khomeini sebagai ulama. Ia telah menunjukkan kecekalan hati beliau yang menandakan pergantungan yang kuat dengan Allah. Ia menunjukkan ketenangan beliau menghadapi ancaman itu sebagai tanda kejernihan rohani beliau. Ini semua adalah gaya-gaya kepimpinan baru yang sangat

dihargai oleh umat sama ada Sunni mahu pun Syiah.

Imam Khomeini juga, membuktikan kepada dunia bahawa campurtangan ulama dalam politik bukan untuk sama-sama merebut khazanah negara. Khomeini, mewakili kepimpinan ulama, sangat berbeza dengan kepimpinan sekular yang diwakili oleh Shah tentang kemewahan mereka. Sama ada ketika masih mengajar (di Qum) sebelum dibuang keluar negeri, juga ketika dalam buangan di Turki, Iraq dan Perancis, mahupun selepas ia menjadi pimpinan utama Iran, kehidupannya tetap sama. Beliau tetap meneruskan amalan tahajjud dan munajatnya. Ia tetap sibuk dengan urusan membimbing ummah yang sama ada sedang tertindas atau dilamun kelekaan duniaawi.

Apa yang saya sebutkan di atas, telah membawa satu inspirasi baru kepada ummah. Menyebabkan kepimpinan ulama di mana-mana sahaja di dunia sekarang telah dinilai dengan penilaian yang baru di mana peranan ulama dalam politik telah diberikan pengertian yang lebih luas, luas dari kawasan masjid dan surau. Semuanya ini terhasil dari keperibadian Khomeini yang telah menerima pendidikan sebagai ulama sejak kecil.

(Sila Ubah lampiran III)

Jika Imam Khomeini seakan-akan telah mendekati penyatuan ummah, dan revolusi Iran dapat diterima sebagai revolusi Islam, pencapaian ini mestilah dikekalkan dan tidak dirosakkan oleh silap perhitungan mana-mana pihak.

Saya ingin mengulangi kata-kata Imam Khomeini pada 4 September 1979, tujuh bulan selepas kepulangannya yang bersejarah dari buangan di Perancis:

di Iran ialah bergabungnya para alim ulama Sunni dan Syiah di bawah bumbung yang sama.”

Saya sangat berharap penyatuan ini dapat dijaga, dengan cara kita mengelakkan sama sekali usaha penyebaran fahaman Syiah di tengah masyarakat Sunni yang telah lama bertapak di negara kita.

Usaha taqrib yang paling baik dalam konteks kita ialah mengelakkan pertembungan Sunni — Syiah di sini, dengan menjauhi usaha-usaha penyebaran fahaman Syiah — Sunni.

Walaupun Syiah lahir di dunia begitu lama dan pengaruhnya ada merata-rata, tetapi untuk zaman moden ini — tidak lahir tokoh seperti yang ternampak pada Imam Khomeini, oleh itu Imam Khomeini hanya lahir kerana peribadi agungnya, bukan kerana Syiahnya semata-mata. Jika kerana Syiah, tokoh seperti Imam Khomeini itu lahir, mengapa kita mengalami kekosongan selepas ketiadaan beliau. Umpamanya walaupun umat Islam Kashmir, Al-Jazair, Palestin, Bosnia ditindas begitu rupa, tetapi nama Khomeini jugalah yang disebut-sebut, walaupun di Iran begitu ramai ulama.

Sebab itu bila sahaja keadaan sekitar memerlukan pemimpin, lahirlah di dunia ini orang yang bernama umpamanya, Salahuddin Al-Ayubi dengan erti kalaullah Imam Khomeini bermazhab Sunni dan Salahuddin Al-Ayubi bermazhab Syiah adakah berubah keadaan perjuangan mereka? Imam Khomeini tetap dengan keagungannya dan Salahuddin Al-Ayubi tetap juga dengan keagungannya sama ada mereka Sunni atau Syiah.

Mengikut andaian saya, kawan-kawan kita yang menyebarkan Syiah di sini sekarang dicetuskan oleh terlalu

ingin untuk menegakkan negara Islam setelah melihat negara Iran yang terang-terang menamakan dirinya sebagai Republik Islam Iran dan berkebetulan Syiah.

Kalau begitulah keadaannya maka tidak ada sebab perkara yang sama tidak dapat dibuat di sini (Malaysia) dengan struktur akidah yang telah sedia ada. Orang-orang Malaysia apa kurangnya yang berwatak Salahuddin Al-Ayubi atau yang berkebolehan seperti Imam Khomeini?

Ya! Kalau bangsa Melayu sekarang beragama Buddha, Kristian, Wal Iyazubillah. Tidak ada halangan disebarluaskan Syiah di sini. Tetapi dengan keadaan Islam Sunni berkurun-kurun, dan bilangan ahli Sunnah pula menjadi majoriti dunia dengan ulama-ulama yang berjasa di semua lapangan, tiba-tiba ada yang gatal melempar batu di tengah-tengah tasik yang tenang, amatlah berbahaya.

Sewaktu saya bertelagah dengan sekular UMNO, saya merasakan sesuatu yang memuaskan hati dan melawannya dengan dada terbuka, tetapi saya sangat kecewa, luka hati bila dengar khabar ada yang tidak pasal-pasal menimbulkan pertelaghanan antara Sunni — Syiah.

Dalam lawatan terakhir saya ke Iran, (kira-kira setahun sebelum ucapan ini diterbitkan) saya bertemu dengan salah seorang yang bertanggungjawab mengirim buku-buku dari Iran ke negara-negara seluruh dunia termasuk buku-buku yang bercorak sebaran Syiah. Saya kata kepadanya, lebih baik anda mengirim buku-buku mengenai ekonomi Islam, sosial Islam yang bertujuan menjelaskan bahawa ekonomi Islam, akidah Islam dan sosial Islam itu lebih baik berbanding ideologi-ideologi buatan manusia (sekular).

merosakkan imej Republik Islam Iran yang saya sayang.

Sesungguhnya untuk memasukkan fahaman baru (Syiah) ke dalam kepala manusia Sunni baik secara individu atau kumpulan terpaksa kena roboh buang dulu fahaman lama (Sunni) yang tetap unggul dan berkemampuan tanpa sebarang sebab yang diterima akal, akan memakan masa lama, tenaga banyak dan porak peranda dalam masyarakat.

Saya minta dikekalkan sangkaan baik kita bahawa revolusi Iran adalah revolusi Islam, bukan revolusi Syiah. Serta garis panduan atau landasan Khomeini tentang penyatuan ummah seperti yang disebutkannya di bawah ini tidak diganggu oleh penyebaran fahaman Syiah.

"Kita sekalian tetap bersaudara. Saudara-saudara saya dari Syiah dan Sunnah mesti mengelak diri dari sebarang perpecahan. Perpecahan kita tetap menguntungkan golongan yang menentang Sunnah, yang menentang Syiah, menentang Hanafi dan menentang semua golongan Islam. Mereka sebenarnya mahu memporak-perandakan kita sekalian."

"Ingatlah baik-baik kita adalah muslim pengikut Al Quran dan bertaubid kepada Allah. Kita mesti bekerja keras untuk Al Quran dan Al Taubid."

(Ucapan Imam Khomeini, 1980).

Walaupun saya Melayu Sunni dan penduduk Iran Syiah tapi titik bersama ialah Islam. Islam mengajar kita berjamaah. Berjamaah terdiri dari kumpulan manusia yang berlainan corak dan perangai yang kesemuanya patuh di belakang pimpinan seorang Imam. Dan itulah intisari politik siasah. Dua perkara abadi yang ditinggalkan oleh Allahyarham.

Pada akhirnya saya ingin abadikan hujah dari Allahyarham Imam Khomeini yang ditujukan kepada pejuang-pejuang kebangsaan Iran yang juga boleh diguna di mana-mana negara dan bangsa. Katanya; Apalah yang ada pada bangsa. Orang Iran yang memperjuangkan bangsa bila hendak beribadat mereka tira ajaran Islam, bila hendak susun ekonomi dan sosial mereka tira Eropah. Jadi apalah ada pada bangsa. Dengan erti kalau disesuaikan dengan Malaysia maka yang ada pada Melayu hanyalah, tarik selamplit di Pantai Barat dan nasi dagang di Pantai Timur!

Demonstrasi di Mekkah.

Imam Khomeini mempertahankan demonstrasi di Mekkah, kerana demonstrasi pada hakikatnya adalah luahan perasaan. Sembahyang berjemaah dan haji, kedua-duanya adalah demonstrasi. Dalam sembahyang, kita luahkan beramai-ramai supaya kita dipimpin mengikuti lurah dan denai nabi-nabi dan sadiqin. **الذين أثغرت عليهم**. Serta menolak beramai-ramai lurah dan denai. **المغضوب عليهم**. Dan itulah hakikat demonstrasi manakala dalam haji, kita menyebut

وَلَا نَبُدُ إِلَّا إِيَاهُ، خَلِصْنَاهُ لِهِ الَّذِينَ وَلَوْ كَرِهُ الْكَافِرُونَ.

Mereka ialah Amerika dan Yahudi. Jadi, jika dalam sembahyang kita meluah perasaan, dalam ibadat haji juga kita meluah perasaan, juga dalam perhimpunan beramai-ramai sama ada dalam masjid atau di tengah-tengah padang Arafah dan Mina.

LAMPIRAN 1

PERUTUSAN Imam Khomeini kepada Presiden Mikhail Gorbachev.

Tuan Yang Terutama, Encik Gorbachev, Presiden USSR. Dengan ucapan semoga dilimpahi kemakmuran dan kemewahan bagi tuan dan negara tuan.

Semenjak berkuasa tuan dianggap sebagai amat ghairah untuk mengulangkaji dan memulakan perubahan di dalam hal-hal yang berkaitan dengan urusan politik dunia, terutama yang melibatkan Negara Soviet. Kegigihan dan keberanian tuan di dalam menghadapi realiti ini menjadi sumber perubahan dan penukaran di dalam sistem politik dunia masa kini.

Walaupun keputusan dan perencanaan tuan bertujuan membawa perubahan demi menyelesaikan masalah parti di samping menyelesaikan masalah rakyat negara tuan, keberanian ini untuk mengubah doktrin yang mengong-kong dan telah membelenggu manusia sehingga beberapa tahun di belakang tabir besi harus disanjungi. Semoga visi tuan akan mencapai matlamat untuk mengatasi masalah merubah polisi pemerintah yang terdahulu yang telah menghapuskan segala kepercayaan kepada Tuhan dan

agama — yang selama ini telah menekan rakyat Soviet. Tuan perlulah memahami bahawa pendekatan sebenar terhadap masalah dunia adalah menerusi keagamaan.

Besar kemungkinannya akan berlaku perubahan ke arah negara Barat sebagai menggantikan ekonomi Komunis yang penuh kepincangan. Namun mengalihkan pandangan ke Barat bukan jawapannya. Dengan cuma menggantikan ekonomi Komunis kepada ekonomi Kapitalis tidak akan menjamin penyelesaian segala masalah. Jika masa kini ekonomi dan sosial menurut Marxisme mulai meleset, dunia Barat juga mengalami keadaan yang sama hanya berbeza dari segi isunya saja.

Tuan Yang Terutama, Encik Gorbachev! Seseorang seharusnya mengakui kebenaran. Masalah utama negara tuan bukanlah ekonomi, kebebasan atau ketuanan. Tidak mempercayai kewujudan Tuhan — adalah sebab utama yang telah dan akan membawa dunia Barat ke kancang kehinaan dan ketidaksopanan. Masalah utama tuan adalah peperangan sia-sia yang terlalu lama terhadap ketuhanan — yang menjadi sumber kewujudan dan keciptaan.

Tuan Yang Terutama, Encik Gorbachev! Amat jelas kini Komunisme mulai lenyap dan hanya layak untuk dipamerkan dalam muzium sejarah politik dunia kerana Marxisme tidak boleh memenuhi segala keperluan manusia. Sebab utama adalah Komunisme hanya doktrin kebendaan dan manusia tidak boleh hidup tanpa sebarang kepercayaan kerohanian — yang menjadi masalah utama masyarakat di Barat dan di Timur.

Tuan Yang Terutama, Encik Gorbachev! Tuan tidak

tentang keyakinan tuan terhadap Marxisme seperti yang terdapat dalam temuramah tuan. Tetapi tuan sendiri memahami ketidakbenaran fahaman tersebut. Pemimpin China telah mengenakan pukulan pertama terhadapnya. Dan kini tuan sendiri mengikutinya pula — dan mungkin pukulan tuan akan merupakan pukulan maut terhadapnya. Kini tiada di dalam dunia ini yang boleh digelar Komunisme. Tetapi saya meminta bersungguh-sungguh agar tuan tidak terperangkap dalam perangkap Barat dan Amerika selepas meruntuhkan tembok ilusi Marx. Saya berharap penghormatan jatuh kepada tuan untuk sebenar-benarnya menghapuskan buat selama-lama lapisan lapuk bidaah Komunisme yang telah mengelirukan negara tuan selama 70 tahun. Hari ini kerajaan asing yang mempunyai haluan yang sama dengan tuan tidak ingin lagi menggunakan sumber negara masing-masing untuk mengagungkan Komunisme.

Encik Gorbachev! Apabila laungan azan "Allahu Akbar" dan pengakuan terhadap nabi terakhir bergema dari masjid-masjid di beberapa republik tuan, ramai pengikut agama Islam menitiskan airmata kegembiraan...

Justeru, saya sekali lagi ingin mengingatkan tuan agar merenung semula terhadap pandangan dunia kebendaan dan dunia tauhid. Pengikut fahaman kebendaan menganggap pengetahuan sains mengatasi segalanya. Mereka menganggap segala yang nampak sebagai wujud dan menafikan segala yang tidak kelihatan sebagai tidak wujud. Sementara pengikut ilmu tauhid mengakui kelahiran kederiaan dan kebenaran. Sebarang rasional dalam kefahaman sains tidak semestinya betul. Oleh itu, kewujudan (termasuk kedua-duanya) aspek subjek dan objek dan apa saja yang bukan kebendaan boleh wujud. Dan samalah

juga benda bergantung kepada perasaan minda atau akliah begitu juga pengetahuan bergantung kepada pengetahuan subjektif.

Sebenarnya saya tidak berminat untuk membawa tuan ke alam pemikiran ahli falsafah, yang beragama Islam terutamanya. Memadailah sekadar menyebutkan satu atau dua contoh ... yang memanfaatkan ahli politik.

Amat jelas sekali benda dan objek — apa saja ianya — tidak sedar terhadap kewujudannya... Tetapi kita boleh perhatikan dengan jelas bahawa manusia dan haiwan menyedari keadaan di sekelilingnya... Justeru terdapat sesuatu di dalam haiwan dan manusia yang mengatasi kebendaan dan terpisah daripada dunia kebendaan dan tidak mati bersama jasadnya...

Manusia memang semulajadinya inginkan kemuliaan mutlak di dunia ini. Oleh itu mesti terdapat kuasa yang lebih mutlak dan pengetahuan yang lebih mutlak... yakin Tuhan Yang Maha Agung...

Sekiranya Tuan Yang Terutama ingin membuat kajian dalam bidang ini, tuan boleh mengarahkan ahli penyelidik tuan merujuk kepada hasil kerja Al-Farabi dan Ibnu Sina... dalam falsafah 'Mash-Sh' supaya lebih jelas lagi bahawa hukum sebab dan kesan — yang segala pengetahuan dilandaskan — adalah logik, bukannya munasabah. Dan mereka juga boleh merujuk kepada hasil kerja Suhrawardi... tentang falsafah Eshrag... dan menerangkan kepada tuan bahawa benda (jirim) dan segala objek kebendaan memerlukan hidayah yang bebas daripada kenafsuhan. Dan pengetahuan empirik manusia terhadap dirinya adalah bebas daripada fenomena kenafsuhan. Dan tuan mungkin

akan meminta pendita tuan agar merujuk kepada fikiran falsafah yang disanjung, Sadrol Moteallehin... agar menjelaskan lagi kebenaran bahawa sains terpisah daripada jirim dan tidak akan terkongkong oleh hukum jirim...

Saya tidak mahu menyebut secara panjang lebar tentang hasil-hasil pemikir Islam, terutamanya tentang Muhyiddin Ibn Arabi. Sekiranya tuan berminat... hantarlah beberapa pakar tuan... ke Qom supaya selepas beberapa tahun — dengan takdir tuhan — mereka akan sedar tentang ketinggian ilmu-ilmu yang hak...

Tuan Yang Terutama Gorbachev! Saya ingin memohon agar tuan membuat penyelidikan serius tentang Islam... Ini bukanlah bermakna Islam dan orang Islam memerlukan tuan tetapi kerana keagungan universal nilai Islam yang boleh menyelamatkan dan mententeramkan semua negara dan menyelesaikan masalah sejagat manusia.

Memahami tentang Islam mungkin menyelamatkan tuan buat selama-lamanya daripada masalah Afghanistan dan masalah yang serupa di dunia. Kami menganggap setiap Muslim di dunia ini sama seperti Muslim dari negara kami sendiri. Dan kami peka dengan perjuangan dan nasib mereka.

Dengan kebebasan beragama juga relatif di beberapa republik Soviet membuktikan tuan tidak lagi menganggap bahawa agama itu ibarat candu.

Benar, agama akan menjadi candu sekiranya ia menjadi alat untuk meletakkan aset kerohanian dan kebendaan negara Islam dan bukan Islam di tangan kuasa besar; serta sekiranya ia memisahkan siasah darinya. tetapi ini bukanlah agama yang sebenarnya. Inilah yang kami gelar "Agama

Amerika"...

Untuk mengakhiri, saya ingin menyatakan dengan terus-terang sekali lagi bahawa Republik Islam Iran sebagai asas terbesar dan terkukuh dunia Islam boleh mengisi kekosongan dalam sistem tuan. Dan dasar negara kami, seperti di masa-masa yang lampau, percaya kepada perhubungan kejiraninan yang baik dan akrab dan menghormatinya...

Dipetik dari majalah Al Ummah Bil: 29 Mac 1990 di bawah tajuk '**Komunis Layak Di Muzium**'.

Kashmir
- Subky Latif

Ummah

Islam penyatu ummah

Komunitas Layak Di Muzium
— Imam Khomeini

Malaysia
Baiki Kemiskinan?
— Prof. Madya Dr. Sanusi

Azerbaijan Bermulanya Sebuah Intifadah

— Shaari Idris.




Majalah Al-Ummah Bil. 29 Mac 1990 telah lebiih dulu meramalkan babawa Presiden Gorbachev akan musnah melalui kulit majalahnya int. Juga distarakn di dalam surat perutusan Imam Khomeini kepada Gorbachev. Akhirnya terjadilah seperti yang diramalkan.

LAMPIRAN II

IMAM KHOMEINI juga digelar sebagai "Pemimpin Islam Gerakan Tajdid awal abad ini". Majallah Al-Ummah Bil: 21 Julai 1989 menyarkan tulisan bertajuk: '**Khomeini Sebagai Politikus. Wawancara Khas Al-Ummah dengan Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang mengenai Imam Khomeini.**

Timbalan Yang Di Pertua Parti Islam Se Malaysia (PAS) merangkap Imam Masjid Rusila, Terengganu, Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang telah mengunjungi Republik Islam Iran selang beberapa minggu sebelum Almarhum Al-Imam Ayatullah Al-Uzma Ruhullah Al-Musavi Al-Khomeini meninggal dunia. Sungguhpun Tuan Guru Haji Abdul Hadi mengadakan pertemuan dengan pucuk pimpinan Republik Islam Iran tetapi beliau tidak dapat bertemu dengan Al-Marhum kerana ketika itu Al-Marhum sedang sakit tenat dan sedang dirawat di hospital. Berikut adalah wawancara khas wartawan Al-ummah, Tuan Guru Haji Abdul Hadi mengenai Al-Marhum Imam Khomeini yang dibuat di kediamannya di Rusila, Kuala Terengganu pada 11 Jun 1989 lalu, iaitu seminggu selepas Al-Marhum meninggal dunia.

Al-Ummah: Imam Khomeini telah meninggal dunia. Apakah pandangan ustaz tentang sumbangan beliau kepada



Al-Marhum Imam Khometnt.



Suasana Revolusi Islam di Iran.



Jahannam Amrik! Bendera Amerika terbakar di Iran...

kebangkitan Islam sepanjang hayatnya?

Tuan Guru Abdul Hadi: Sumbangan beliau kepada kebangkitan Islam ialah perjuangan menegakkan Islam dan menjatuhkan kezaliman kerajaan Shah di Iran dengan melalui pengorbanan yang besar sehingga beliau ditahan dan diusir dari Iran. Hidup dalam buangan di Iraq, Turki dan Paris. Dan pengorbanan ini mendatangkan kesan di mana beliau telah berjaya menjatuhkan kerajaan Shah dan menegakkan negara Islam.

Sumbangan besar beliau ialah memulihkan semangat umat Islam supaya bangkit dan berjuang serta membuktikan bahawa tiada kezaliman yang kekal di bumi; menggulingkan kerajaan Shah dan seterusnya menegakkan negara Islam yang dihormati oleh orang-orang Islam dan oleh orang-orang bukan Islam.

Al-Ummah: Setengah kalangan beranggapan bahawa Imam Khomeini adalah pemimpin bangsa dan negara Iran, dan bukannya pemimpin umat Islam. Apakah hujah-hujah yang boleh membuktikan bahawa Imam Khomeini adalah pemimpin ummah?

Tuan Guru Abdul Hadi: Saya berpendapat bahawa kesan perjuangan Imam Khomeini bukan saja terbatas di Iran tetapi juga adalah subur di kalangan pendokong gerakan Islam khasnya dan umat Islam amnya. Betapa meluasnya kepimpinan dan pengaruh beliau bukan sekadar di Iran tetapi juga di seluruh dunia Islam. Kita melihat sambutan terhadap perjuangan Islam adalah meluas di seluruh negeri-negeri umat Islam. Begitu juga apabila dilihat bagaimana kegerusan musuh Islam terhadap perjuangan

Sekiranya (perjuangan Imam Khomeini terbatas) di Iran sahaja, tentu kuasa-kuasa Barat tidak mengirim bala tentera mereka ke Teluk Parsi dan sebaran am tidak digunakan untuk menyerang Republik Islam Iran.

Al-Ummah: Media Barat menyamakan ketokohan Imam Khomeini dengan tokoh-tokoh revolusi yang lain seperti Lenin dan Mao Tse-Tung. Mereka juga menilai sumbangan Imam Khomeini sebagai pemusnah sistem lama tetapi tidak berjaya membangun sistem baru. Mereka merujukkan kepada betapa negara Iran sekarang dalam keadaan mundur akibat kemusnahan yang dikatakan telah dilakukan oleh Imam Khomeini. Apakah komen ustaz.

Tuan Guru Abdul Hadi: Kepimpinan dan ketokohan Imam Khomeini mempunyai perbezaan yang jauh dengan tokoh-tokoh revolusi lain kerana tokoh tersebut berjuang atas kebendaan dan mereka menonjolkan diri selepas mencapai kemenangan.

Perjuangan Imam Khomeini dan Revolusi Islam adalah berdasarkan kepada Islam dan tidak kepada kebendaan. Kebendaan hanya menjadi suatu alat. Imam Khomeini tidak gentar dan berani mengeluarkan kenyataan dan ucapan tegas.

Dalam media massa Barat, kononnya revolusi itu tidak berjaya. Ini dapat dijawab bukan saja dengan ucapan dan tulisan tetapi mereka boleh melawat Iran dan membuat perbandingan di antara Iran zaman Shah dan Iran selepas Revolusi Islam.

Oleh kerana Iran mencapai kejayaan besar, maka kuasa Barat telah menggunakan negara jiran Iraq bagi menggagalkan kejayaan Iran. Mereka tidak mahu kepada Islam.

Mereka bimbang kepada pelaksanaan Islam yang akan memberi kesan kepada kemerosotan ideologi Barat.

Al-Ummah: Di kalangan negara-negara umat Islam, umumnya mereka memandang sepi terhadap usaha-usaha dan sumbangan yang dilakukan oleh Imam Khomeini. Apakah pendekatan yang harus dilakukan oleh gerakan Islam supaya negara-negara umat Islam mengambil perhatian terhadap isu-isu Islam?

Tuan Guru Abdul Hadi: Kita sedar negara-negara umat Islam yang ada hari ini diperintah oleh orang-orang Islam yang menganut ideologi-ideologi bukan Islam.

Mereka bukan saja takut kepada kuasa-kuasa besar, bahkan mereka boleh dipergunakan dan diperalatkan oleh kuasa-kuasa besar untuk memusuhi Republik Islam Iran dan juga memusuhi gerakan-gerakan Islam.

Dengan bermusuhan terhadap pendokong-pendokong Islam, maka tiada jalan lain untuk menyelesaikan masalah bagi gerakan Islam selain dari membebaskan pemikiran orang-orang Islam dari penjajahan pemikiran serta membebaskan negara-negara umat Islam itu sendiri.

Al-Ummah: Apakah yang boleh dijadikan contoh dari kehidupan dan perjuangan Imam Khomeini?

Tuan Guru Abdul Hadi: Yang boleh dijadikan contoh ialah keyakinan beliau kepada Allah SWT, perjuangan beliau untuk Islam dan mendedahkan kepada kita bahawa kuasa besar adalah palsu, ideologi mereka adalah karut. Ini bukan tuduhan semata-mata tetapi ia dibuktikan dengan kegagalan dan kemerosotan ideologi mereka.

Imam Khomeini juga menunjukkan sikap yang mana kuasa-kuasa besar merasa gerun terhadap ketokohan beliau.

Al-Ummah: Pada pandangan Ustaz, adakah negara Islam Iran di bawah pimpinan Imam Khomeini itu berjaya atau tidak? Dan mengapa?

Tuan Guru Abdul Hadi: Negara Islam yang ditegakkan oleh beliau adalah di dalam perjalanan. Ia telah membuktikan kejayaannya walaupun terdapat kelemahan. Ini perkara biasa bagi negara yang baru muncul. Insya-Allah mereka akan berjaya menyelesaikan berbagai-bagai masalah.

Al-Ummah: Bagaimanakah kita boleh teruskan perjuangan yang telah dirintis oleh Imam Khomeini?

Tuan Guru Abdul Hadi: Meneruskan perjuangan beliau bukan sekadar menempek dan melaungkan slogan-slogan. Dan bukan juga terpengaruh dengan sifat-sifat lahiriah. Dan bukan juga bersikap gopoh seperti mereka yang mengikut sesuatu untuk sementara waktu.

Imam Khomeini mengharungi jihad (memperjuangkan Islam secara bersungguh-sungguh) dan mujahadah (membentuk peribadi Islam secara bersungguh-sungguh) berpandukan kepada sirah mereka yang terdahulu.

Kita hendaklah berpandukan kepada perjuangan tersebut. kita melihat bukan dari sudut nama beliau sebagai Imam Khomeini tetapi adalah dari sudut perjuangan Al-Marhum.

Al-Ummah: Apakah kedudukan yang seharusnya kita letakkan bagi Imam Khomeini? Adakah beliau seorang mujadid atau pemimpin politik ulung sahaja?

Tuan Guru Abdul Hadi: Oleh kerana gerakan yang

dibawa oleh beliau ialah gerakan Islam dan beliau tidak menonjolkan soal-soal mazhab seperti yang sering digembar-gemburkan serta beliau bukan menjadi pemimpin politik semata-mata kerana dalam Islam, politik hanyalah sebahagian daripada Islam; maka kita namakan beliau sebagai seorang Pemimpin Islam Gerakan Tajdid di awal abad (hijrah, abad ke 15) ini.

Al-Ummah: Sekian, terima kasih Ustaz.

LAMPIRAN III

LIHAT pula bagaimana peranan ulamak dalam politik...

(A) Negeri Kelantan yang meletakkan ulamak sebagai pemimpinnya di bawah kerajaan Angkatan Perpaduan Ummah telah berjaya 'Membangun Bersama Islam'.

Berikut adalah ringkasan perlaksanaan dasar-dasar Kerajaan Negeri Kelantan sepanjang tiga tahun pemerintahan Kerajaan Angkatan yang dikutip dari Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan.

1. Aspek Pentadbiran.

- 1) Melaksana dasar jimat cermat di dalam pengurusan kewangan/belanjawan dan pengagihan projek pembangunan.
- 2) Memperkenal dan menghidupkan kembali konsep at-Ta'awwun bagi melaksana projek kesejahteraan rakyat dan penjimatan perbelanjaan.
- 3) Memindahkan simpanan wang kerajaan (fixed deposit) yang berriba dari bank riba ke Bank Islam.
- 4) Menubuhkan Unit Penguatkuasaan Khas bagi menyiasat kes-kes kecurian balak dan penerokaan tanah haram.
- 5) Menghapuskan tender runding yang diamalkan oleh

kerajaan dahulu dan digantikan dengan tender secara terbuka.

- 6) Memberi semula kuasa ketua jajahan sebagai Yang Dipertua Majlis Daerah yang sebelum ini dipegang oleh wakil rakyat dari BN.
- 7) Melancarkan dan menyegerakan proses pemberian hak milik tanah kepada rakyat dengan memperturunkan kuasa kepada Ketua Jajahan.
- 8) Memberi kuasa kepada Ketua Jajahan untuk meluluskan hak milik tanah yang tidak lebih dari 10 ekar bagi mempercepatkan hak milik tanah kepada rakyat.
- 9) Mewujudkan Tabung Tok Kenali bagi mengumpul dan mengagihkan sumber pampasan Projek Empangan Hidro Pergau.
- 10) Menubuhkan beberapa unit dan Jawatankuasa baru untuk melicinkan pentadbiran kerajaan. Antaranya Jawatankuasa Wanita dan Hal Ehwal Bukan Islam, Jawatankuasa Perpaduan Ummah Mukim dan Pusat Kajian Strategik.
- 11) Kriteria pemilihan penghulu adalah didasarkan kepada calon yang faham Islam.
- 12) Menaikkan elain-elain penghulu, ahli majlis (Kerajaan Tempatan), guru Yayasan Islam Kelantan (YIK) dan guru Al-Quran.
- 13) Melantik orang bukan Islam dan wanita sebagai Ahli Majlis Daerah.
- 14) Penambahan cuti bersalin kepada kakitangan kerajaan

- 15) Pinjaman perumahan dan kenderaan secara Islam kepada kakitangan kerajaan negeri.
- 16) Timbalan-Timbalan Menteri Besar dan Ahli-Ahli Exco mengguna pakai kereta-kereta rasmi yang sudah sedia ada.
- 17) Pemotongan elauan Timbalan Menteri Besar, Ahli-Ahli Exco, Wakil Rakyat dan Pegawai-Pegawai yang dilantik oleh Parti dalam perkhidmatan kerajaan.
- 18) Elauan keraian yang dipotong daripada dua orang Timbalan Menteri Besar menjimatkan sebanyak RM18,000 setahun.
- 19) Menghapuskan pemberian hadiah/cenderamata kepada pemimpin.
- 20) Membuat pindaan ke atas peraturan melombong 1939 dan menggantikan dengan Enakmen Melombong 1991. Peraturan ini tidak pernah dipindah sejak 52 tahun yang lalu.
- 21) Mengkaji semula enakmen pembeli emas dan royalti 1932 yang didapati tidak sesuai dan tidak berkesan dan menggubal semua enakmen urusan emas mentah 1991.
- 22) Tidak menggunakan jentera kerajaan dalam sebarang kempen pilihanraya.

2. Aspek Pembangunan.

1) Pembangunan Kerohanian Dan Pengembangan Dakwah:

- a. Memulakan mesyuarat/majlis dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan mengakhiri dengan bacaan Tasbih Kafarah

dan Surah Al-Asr.

- b. Menteri Besar, Timbalan Menteri Besar dan Exco bertadarus Al-Quran bersama-sama dengan pegawai-pegawai kerajaan dan rakyat di masjid-masjid di semua daerah pada bukan puasa.
- c. Bekerja separuh hari pada bulan puasa bagi kakitangan Kerajaan Negeri.
- d. penubuhan Unit Dakwah Halaqat.
- e. Peruntukan Bina Insan melalui ADUN.
- f. Menambah peruntukan sekolah Agama YIK.
- g. Desa Taqwa.
- h. Jawatankuasa Pembangunan Islam Majlis Daerah dan Majlis Perbandaran Kota Bharu.
- i. Menjemput orang-orang bukan Islam hadir dalam perayaan-perayaan Islam untuk memberi kefahaman kepada mereka.
- j. Menubuhkan Maahad Tahfiz bagi melahirkan lebih ramai generasi Al-Quran.
- k. Penutupan pusat-pusat snooker, video games dan biliard mulai 1 Januari 1994.
- l. Menganjurkan kuliah-kuliah zohor untuk peniaga/pembeli Pasar Pusat Buluh Kubu di bawah pengendalian MPKB.
- m. Peserta qariah Tilawah Al-Quran tidak dibenarkan dan kerajaan tidak menghantar qariah ke Musabaqah Peringkat Kebngsaan.

4. Aspek Kebajikan.

- 1) Mewujudkan Tabung Serambi Mekah yang berfungsi menerima dan memberi sumbangan kepada orang-orang yang memerlukan bantuan.
- 2) Penghapusan lesen beca roda tiga yang melibatkan kira-kira 2,000 orang pengayuh beca. Di sini kerajaan negeri hilang sumber pendapatan sebanyak RM48,000 setahun.
- 3) Semua ADUN termasuk Menteri Besar, Timbalan Menteri Besar, Exco dan Speaker memotong perolehan tunggakan kenaikan elauan masing-masing kepada Tabung Serambi Mekah.

5. Aspek Keperibadian Tuan Guru Menteri Besar.

- 1) Tidak mendiami rumah rasminya di JKR 10.
- 2) Menghapuskan peruntukan majlis berbuka puasa kepada Menteri Besar sebanyak RM15,000 dan juadah Hari Raya sebanyak RM30,000. Perbelanjaan bagi kedua-dua majlis tersebut adalah menggunakan duit peribadi Menteri Besar sendiri.
- 3) Menteri Besar tetap menggunakan kereta rasmi lama, yang digunakan sejak BN memerintah.
- 4) Menteri Besar memotong elauannya sebanyak 45%. 40% untuk parti dan 5% untuk kerajaan negeri.
- 5) Menteri Besar berkhutbah, menjadi imam sembahyang Jumaat dan menyampaikan kuliah agama.
- 6) Menteri Besar memotong elauan sewa rumah sebanyak RM3,000.00 sebulan kerana beliau tidak mendiami rumah rasmi JKR 10.

6. Harapan Perlaksanaan Dasar Kerajaan Negeri.

Harapan utama pelaksanaan dasar dan program kerajaan Negeri ialah untuk menjadikan Kelantan sebuah negeri yang terlaksana hukum-hukum Islam bagi memenuhi amal makruf nahi munkar. Tanggungjawab pimpinan berusaha menjadikan rakyat dan negeri ini aman dan makmur serta wujudnya pengabdian sepenuh kepada Allah SWT. Antara harapan-harapan lain ialah:

- 1) Menjadikan Kelantan negeri contoh kepada kerajaan negeri-negeri lain hatta kepada kerajaan Pusat, seperti dalam perlaksanaan syariat Islam dan sistem kewangan Islam — pajak gadai Ar-Rahn.
- 2) Menjadikan Kelantan pusat kecemerlangan syiar Islam dan tumpuan seluruh umat Islam di negara ini, hatta di Nusantara, bagi mendalami pengajian dan penghayatan Islam. Di samping terus berusaha memperkenalkan Kelantan sebagai Negeri Tadahan Wahyu demi memantap kemasyhurannya sebagai Negeri Serambi Mekah.
- 3) Mewujudkan contoh terbaik dalam mempraktik sistem politik berteraskan Islam berhadapan dengan sistem sekular di peringkat pusat; dengan menjayakan program mendidik rakyat kepada pemikiran dan syakhsiyah Islamiyah.
- 4) Melaksanakan sistem perundangan dan peraturan Islam semaksimum mungkin sebagaimana tuntutan syariah dan setakat mana bidang kuasa Kerajaan Negeri dalam konteks federalism.
- 5) Terus berusaha untuk mewujud hubungan baik dengan

berlapang dada(flexible) bagi mendapat hak-hak Kerajaan Negeri dan untuk kelancaran dan kesinambungan pentadbiran Kerajaan Angkatan di Kelantan.

- 6) Berusaha melebarkan dakwah dan pendekatan sosio-politik tempatan kepada seluruh pergerakan Islam dalam dan luar negeri.
- 7) Terus mempertingkat kemantapan parti-parti Angkatan sebagai asas kerjasama dan perpaduan dalam dominasi politik Kelantan, demi mengukuhkan dan menjayakan konsep Perpaduan Ummah.

Kerajaan Angkatan Negeri Kelantan terus bertekad melaksanakan suatu dasar pemerintahan Islam yang menyeluruh dengan mematuhi konsep federalisme tanpa sebarang ketegangan antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat yang masih dikuasai BN.

Namun begitu, bentuk dan perlaksanaan dasar dan program Kerajaan Negeri sekarang, insya-Allah menjurus kepada Islam sebagai ad-din. Justeri itu, dalam menunai keperluan (hajiat) rakyat, Kerajaan Negeri kini lebih melihat kepada keutamaan (awwaliyat) dan amalan jimat cermat.

(B) Untuk menilai ekonomi negeri Kelantan di bawah naungan ulama maka eloklah dilihat ucapan Menteri Besar Kelantan YAB Tuan Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat di Kota Bharu pada Januari 1994, dipetik dari Fajar Islam Bil 2/94, bertajuk "**Harapan Ekonomi Kelantan Cerah.**"

Firman Allah SWT yang ertiaya:

"Dan Allah menetap ukuran malam dan siang. Allah mengetahui bahawa kamu sekali-kali tidak menentukan batas-batas waktu itu, maka Dia memberi keringanan kepadamu, kerana itu bacalah apa yang mudah (bagimu) dari al-Quran. Dia mengetahui bahawa akan ada di antara kamu orang-orang yang sakit dan orang-orang yang berjalan di muka bumi mencari sebahagian kurniaan Allah dan orang-orang yang lain lagi yang berperang di jalan Allah, maka bacalah apa yang mudah (bagimu) dari al-Quran dan dirikan sembahyang, tunaikan zakat dan berikanlah pinjaman kepada Allah pinjaman yang baik."

(Surab Al-Muzamil: 20).

Ayat yang bermaksud seperti di atas sengaja dipetik untuk menghilangkan pandangan negatif sesetengah pihak yang mengaitkan Islam dengan kemunduran ekonomi atau memperkecilkan kepentingan kemajuan ekonomi. Pandangan serong ini tidak berasas.

Islam tidak memandang kecil kepentingan ekonomi, tetapi Islam berbeza pendapat dengan isme-isme dan ideologi-ideologi manusia tentang cara-cara kekuatan dan kemajuan ekonomi sepatutnya dicapai dan dikendalikan.

tadi yang memberikan kelonggaran bagi satu agenda penting yang diminta dihayati oleh orang mukmin, iaitu bertahajud di waktu malam. Ada tiga golongan yang diberikan kelonggaran, walaupun program ini adalah sangat penting.

Tiga golongan itu ialah: Pertama, orang mukmin yang terpaksa bekerja keras menjaga wilayah Islam atau disebut mujahid, orang mukmin yang ditimpa keuzuran kerana pelbagai penyakit dan ketiga orang mukmin yang penat bekerja di siang hari mencari nafkah hidup yang kita sebut sebagai aktiviti-aktiviti ekonomi. Golongan ketiga mendapat kelonggaran yang sama seperti para mujahid dan orang keuzuran.

Oleh itu, orang mukmin sebenarnya adalah di antara orang yang sangat sibuk dengan urusan-urusan perekonomian tetapi kesibukan mereka tidaklah sampai menghilangkan kedudukan mereka sebagai orang mukmin, iaitu orang yang menjaga batas-batas Tuhan mereka setiap masa. Konsep ini tergambar dalam motto "Membangun Bersama Islam" yang dipakai oleh kerajaan negeri.

Prospek ekonomi

Mengenai prestasi dan prospek ekonomi negeri kita, terlebih dahulu sukalah saya membentulkan beberapa salah anggap. Salah satu salah anggap ialah kecenderungan satu kumpulan melihat prestasi ekonomi negeri sebagai terasing sama sekali dari prestasi dan peranan negara seluruhnya.

Perlu diingat, Kelantan adalah satu unit dari negara seluruhnya. Ia tertakluk dan bergantung kepada prestasi serta tanggungan dan peranan negara di peringkat

Persekutuan.

Kita tidak boleh mengasingkan pencapaian Kelantan dari lingkungan peranan dan pencapaian Persekutuan.

Oleh itu, pendekatan satu kumpulan desperados yang mahu melihat Kelantan terdera dan menunggu untuk mengatakan kerajaan negeri gagal memajukan ekonomi negeri dan pembangunan rakyat, adalah pendekatan dari jiwa yang sempit dan negatif.

Pencapaian ekonomi Kelantan hendaklah dilihat dalam konteks tanggungjawab Negeri dan Persekutuan, kerana Kelantan masih diikat sebagai unit Persekutuan. Jika Kelantan mundur, bermakna Persekutuan juga gagal dan begitulah sebaliknya.

Berdasarkan kedudukan inilah, saya dari awal-awal lagi tidak mengambil pendekatan konfrontasi dan saya cuba menerapkan kefahaman ini secara tidak langsung kepada pihak-pihak terbabit. Apabila kita tidak memakai pendekatan ini, maka kita juga tidak perlu mengambil pendekatan perlumbaan, iaitu berlumba dengan Pusat. Tidak ada perlumbaan di sini, tetapi yang ada ialah tanggungjawab bersama. Pusat tidak perlu menunjukkan mereka jaguh perlumbaan ekonomi dan kita adalah kura-kura, kerana kita tidak boleh berlumba dalam keadaan yang kita terikat. Sebaliknya, Pusat boleh berbangga jika mereka melaksanakan kedudukan mereka sebagai bapa yang berlaku adil untuk semua anaknya, tidak membiarkan adanya mana-mana anak sengsara kerana salah konsep atau berhasrat mendera mana-mana pihak.

Kelantan membangun, itulah positifnya.

Ketiga, apabila bercakap tentang kemajuan negeri, kita mestilah bergerak di atas kekuatan kita sendiri. Kita tidak perlu terpengaruh dengan orang lain semata-mata kerana mahu mencatat angka pertumbuhan yang tinggi.

Bagi Kelantan sendiri, ada sektor-sektor tertentu di mana kita mempunyai kekuatan dan tumpuan hendaklah diberi bagi sektor-sektor ini.

Sebelum 1990

Faktor utama bagi perkembangan ekonomi ialah kestabilan politik. Dalam konteks Kelantan, sebelum pilihanraya 1990, politik Kelantan adalah tegang dan tidak stabil.

Sebahagian berpunca dari konflik antara parti tertentu dengan istana, pegawai-pegawai tadbir negeri dan juga rakyat jelata. Ketidakstabilan ini hilang selepas pilihan raya 1990. Ia pasti berulang sekiranya parti yang sama naik semula kerana tokoh-tokoh antagonistik yang ditolak oleh rakyat itu masih menjadi peneraju utama parti tersebut.

Kesimpulannya, bagi saya, dalam konteks Kelantan, Angkatan Perpaduan Ummah sahaja yang mampu membawa ketenangan politik yang menjadi prasyarat kepada perkembangan ekonomi.

Untuk makluman juga, dalam tempoh tiga tahun yang lalu, tumpuan juga diberi bagi mewujudkan pengurusan dan kedudukan kewangan yang agak mantap bagi menjamin kelangsungan pentadbiran kerajaan. Alhamdulillah, selepas keutamaan-keutamaan ini berjaya kita

capai, kita sekarang mempunyai banyak masa bagi memikirkan aspek-aspek lain dalam perekonomian negeri kita.

Prestasi Ekonomi

Di sini sukalah saya memberikan sedikit gambaran tentang prestasi ekonomi negeri kita.

Prestasi ekonomi Negeri Kelantan telah mencapai tahap yang dianggarkan semasa penyediaan Rancangan Malaysia Keenam (RM-6) iaitu pada tahap 7 peratus setahun. Bagi tahun-tahun 1992-1993 kadar pertumbuhan dianggar sejumlah 6.7 peratus dan dijangka meningkat kepada 6.9% di akhir tempoh RM-6.

Ekonomi negeri masih lagi kuat bergantung kepada sektor pertanian. Fenomena ini merupakan satu keadaan yang telah berlaku sejak dari dulu sehingga sekarang. Sektor pertanian telah menyumbangkan kepada KDNK Negeri sebanyak 42.4% pada tahun 1970, 43.2% pada tahun 1980, 26% dalam tahun 1990, dan dijangka menurun ke tahap 20.6% dalam tahun 1995.

Penurunan sumbangan sektor pertanian ini mencerminkan kejayaan usaha Kerajaan Negeri dalam mempelbagaikan kegiatan ekonomi negeri ini. Usaha-usaha telah dijalankan untuk memperluaskan kedudukan sektor-sektor ekonomi lain seperti pembuatan dan perkhidmatan.

Sumbangan sektor pembuatan kepada KDNK negeri khususnya telah meningkat dari hanya 10.6% pada tahun 1990 kepada 11% pada tahun 1992. Sektor ini juga telah

1991-1993 dan dijangka meningkat kepada 9.9% bagi tempoh 1994 dan 1995.

Dalam sektor pertanian, populasi ternakan lembu, kambing dan biri-biri di Kelantan menunjukkan peningkatan dari segi bilangan, kecuali kerbau yang semakin berkurangan. Bilangan lembu telah meningkat sebanyak 23,886 ekor kepada 164,421 ekor pada tahun 1990. Bilangan kambing ciri-biri juga telah meningkat sebanyak 99,764 ekor kepada 104,814 ekor pada tahun 1992 berbanding dengan 95,050 ekor pada tahun 1990.

Data ternakan ayam dan itik pada tahun 1988 dan 1992 menunjukkan pertambahan pesat dari segi bilangan ternakan ayam daging daripada 3,263,475 ekor kepada 3,761,175 ekor pada tahun 1992. Dalam tempoh yang sama juga bilangan ayam telur pula telah bertambah sebanyak 3,619 ekor.

Prestasi sektor industri, khususnya aktiviti pembuatan telah meningkat. Peningkatan sumbangan sektor ini kepada KDNK negeri bagi tahun 1992 ialah 11.2 peratus bagi tahun 1993. Kelulusan projek perindustrian mengikut tahun menunjukkan bahawa Negeri Kelantan adalah salah satu destinasi pilihan para pelabur di Pantai Timur ini.

Jumlah guna tenaga dalam sektor industri ialah seramai 38,900 orang pada tahun 1993, dan dijangka meningkat kepada 42,000 orang pada tahun 1994.

Dalam sektor perkhidmatan, aktiviti berkaitan dengan pelancongan merupakan salah satu aktiviti penting bagi Negeri Kelantan. Pada tahun 1990 hanya terdapat 59 buah hotel dan rumah tumpangan yang terdapat di negeri ini. Bilangan ini telah bertambah kepada 71 buah pada tahun

1991. Mengikut bancian, bilangan kemasukan pelancong ke negeri ini juga telah meningkat dari hanya 683,403 orang pada tahun 1990 kepada 1.09 juta orang pada tahun 1992. Pertumbuhan perkhidmatan-perkhidmatan sokongan kepada industri pelancongan juga telah meningkat dengan pesat.

Dalam pengurusan kewangan pula, peningkatan hasil yang besar berbanding peningkatan perbelanjaan mengurus yang kecil telah dapat memperbaiki kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember, 1992. Akaun semasa menunjukkan lebihan sebanyak RM9.32 juta berbanding diefisit RM18.13 pada tahun 1991. Sehingga September 1993 kedudukan lebihan kewangan akaun semasa ialah sebanyak RM26.22 juta.

Akaun pembangunan pula menunjukkan lebihan sebanyak RM5.14 juta dalam tahun 1992. Jumlah ini adalah rendah berbanding lebihan RM11.44 juta pada tahun 1991. Sementara itu akaun bekalan air terus menunjukkan kurangan sebanyak RM8.67 juta, tetapi jumlah ini adalah rendah berbanding kurangan RM13.71 juta pada tahun 1991.

Berdasarkan operasi ketiga-tiga akaun utama ini, Kerajaan Negeri mengalami lebihan keseluruhan sebanyak RM5.79 juta berbanding defisit RM20.41 juta pada tahun 1991.

Akaun hasil telah mencatatkan pertumbuhan yang menggalakkan dalam tahun 1992. Hasil telah meningkat sebanyak RM38.87 juta (36%) kepada RM146.79 juta pada tahun 1991. Prestasi kutipan hasil ini melebihi anggaran asal tahun 1992 yang berjumlah RM145.56 juta sebanyak RM1.23 juta (0.84%).

Prospek Ekonomi.

Secara umumnya, prospek ekonomi negeri bolehlah dilihat melalui hal-hal yang berikut:

Pertama, negara menganggar seramai 7,000,000 pelancong akan melawat Malaysia pada tahun 1994. Adalah dijangkakan bahawa sebahagian dari pelancong asing ini akan berkunjung ke Negeri Kelantan. Bilangan pelancong asing dan tempatan akan melawat Negeri Kelantan pada tahun 1994 dianggar seramai 1,500,000.

Kedua, pertumbuhan ekonomi pertanian Negeri Kelantan banyak bergantung kepada kegiatan pertanian komersial pada tahun hadapan. Kerajaan negeri melalui agensi pelaksanaan telah memulakan beberapa projek pertanian komersial sama ada secara persendirian atau usahasama. Adalah dijangkakan bahawa beberapa syarikat yang telah pun memilik kawasan tanah pertanian di kawasan Lojing untuk pertanian komersial akan memulakan aktiviti mereka pada tahun hadapan.

Lebih Cerah

Ketiga, kegiatan ekonomi bandar dijangka mengalami perubahan yang besar. Beberapa bandar khususnya bandar di sempadan Thailand akan mendapat input perancangan baru yang membolehkan bandar tersebut bersaing dengan kadar pertumbuhan bandar-bandar di Thailand. Peningkatan aktiviti bandar-bandar ini juga sesuai dengan perkembangan kemasukan pelancong di Negeri Kelantan.

Keempat, kawasan pertumbuhan baru, di Lojing dijangka mencetuskan pelbagai aktiviti penting. Sebuah bandar pentadbiran dan komersial akan didirikan sebagai pusat

bandar kepada Jajahan Kecil Loging. Satu pusat pentadbiran sementara akan didirikan pada tahun 1994 di Post Brooke.

Kelima, pelaburan kerajaan akan terus meningkat khusus di dalam penyediaan infrastruktur dan kemudahan awam lainnya. Minat pelabur asing untuk melabur di negeri ini dijangka bertambah sesuai dengan program untuk memberi nafas baru kepada korridor Pantai Timur. Pelbagai insentif ditawar oleh Kerajaan Negeri sebagai tambahan kepada insentif yang ditawarkan oleh Kerajaan Pusat.

Insentif-insentif tersebut termasuklah kuota pemilikan tanah industri, diskau kuota penggunaan air serta hasil tanah dan sistem pembayaran harga tanah industri secara tertangguh.

Keenam, sektor pembinaan dijangka mengalami peningkatan. Projek-projek besar seperti projek Haidro Elektrik Pergau dan pembinaan rumah awam kos rendah dan perumahan swasta dijangka meningkat. Projek-projek pembangunan harta tanah lain juga dijangka meningkat dengan pesatnya.

Ketujuh, usaha kerajaan untuk melahirkan ummah yang berkualiti, beriman dan bertaqwa akan dipertingkatkan melalui program pembangunan ummah dan pentadbiran Islamiah.

Pada keseluruhannya prospek pertumbuhan ekonomi Negeri Kelantan pada masa hadapan adalah diramalkan akan lebih cerah dan kukuh, memandangkan pada tahun hadapan Negeri Kelantan akan mempunyai pelan strategik pembangunannya yang menggariskan rancangan-rancangan

(C) Melihat kepada kegelisahan masyarakat terhadap maksiat dan penganiayaan terhadap kaum wanita, kita teliti pula temuramah majalah ‘Wanita Mei 1994’ bertajuk “**Maksiat Merebak Keluar Kelantan**” terbitan Utusan Melayu (M) Bhd. yang mempersoalkan Kanun Jenayah Syariah II (Hudud) 1993, dengan YAB Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Wanita: Mengapa undang-undang ini agak sempit dalam menyentuh hal rogol?

Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz: Bila sebut Syariah Islam, kita tidak boleh pandang pada satu draf tertentu sahaja. Ia berangkai dengan perkara lain. Misalnya sewaktu Islam melarang manusia berzina ia tidak sebut kamu jangan berzina bahkan ia sebut kamu jangan menghampiri zina. Maknanya mukadimah zina sudah disekat. Sebab itu draf undang-undang hudud tidak boleh dijalankan sesebuah kerajaan kalau asasnya tidak Islamik. Asas kerajaan mesti Islamik supaya segala mukadimah zina dapat dikawal sepenuhnya. Katakanlah berdua-duaan, percampuran bebas dan diskon. Mukadimah zina ini mesti dikawal.

Rogol berpunca percampuran bebas. Walaupun dikatakan sempit, tetapi kita sudah ambil kira semua rangkaianya. Kita tahu rogol tidak akan berlaku kalau perempuan dikawal, contohnya aurat. Justeru kita minta perempuan tutup aurat. Diskon juga kami sekat bagi menghindarkan pergaulan bebas. Akhir tahun lalu kita tutup tiga perkara; biliard, snuker dan permainan video. Sebab tempat-tempat ini biasanya sarang bercambah dan membiaknya kuman-kuman rogol. Berikut itu setelah kita kenalpasti semua ini, kita tutup lubang-lubangnya. Insya-Allah kejadian rogol tidak banyak berlaku dan peluang untuk merogol

berkurangan.

Maka itu kita kira rogol itu zina. Rogol adalah zina sebab kita panjangkan masalah zina. Manakala mukadimah zina kita kunci. Lantaran itu boleh jadi penggubal tidak banyak cakap hal ini kerana mereka sudah ada jawapannya.

Wanita: Bagaimana kejadian rogol di Kelantan?

Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz: Maaf saya tidak tahu. Ia mungkin boleh dijawab pihak polis.

Wanita: Rogol tidak terbatas kepada kaki diskò. Malahan ia banyak berlaku di ladang dan di luar bandar termasuk pedalaman.

Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz: Jawatankuasa penggubal ada berjumpa polis. Berpandukan laporan polis Kelantan sewaktu ditemui kebanyakan aduan rogol adalah rogol sukarela iaitu rogol secara rela. Misalnya tumpang membonceng motor atau kereta. Sesudah berzina dan berasa malu, mungkin sebab mengandung lalu mereka membuat laporan mengatakan dirogol. Jarang berlaku kes rogol yang betul-betul dipaksa. Latar belakang mereka kebanyakannya pekerja kilang.

Maka itu saya hadkan waktu kerja pekerja wanita setakat jam sepuluh. Malangnya heboh dalam akhbar seolah-olah saya tidak benarkan perempuan kerja malam. Sebenarnya tidak begitu. Wanita kerja malam boleh tetapi had tertentu masa. Undang-undang buruh pun meminta perempuan bekerja setakat jam sepuluh.

Sekarang sedikit demi sedikit zon industri telah mengadakan asrama. Tujuannya hendak menjaga mukadimah rogol. Menyentuh rogol di ladang-ladang, benar ia mungkin tidak berlaku di diskò tetapi punca manusia hendak mero-gol melalui diskò. Walaupun diskò di Kota Bharu dan ro-gol berlaku di ladang tetapi kuman itu sudah mulai singgah masuk dalam kepala mereka. Contohnya berdua-duaan di restoran, diskò dan taman bunga tengah malam buta.

Perkara ini yang mahu kita hentikan. Justeru awal-awal kita tamatkan diskò dan biliard. Sebab saya perhatikan permainan ini bukan untuk mengasah bakat sebaliknya untuk membiakkan kuman percintaan haram. Cinta itu sesuatu yang suci dan bersih. Caranya lain tetapi ini bukan percintaan. Ia hanya cara memuja nafsu yang membiakkan kebuasan nafsu. Kesimpulannya hasil kita ambil kira segala mukadimah rogol insya-Allah rogol berkurangan dari masa ke semasa.

Manakala pada sudut keluarga, saya menegaskan dasar tiga bilik tidur. Saya meminta kerjasama kerajaan negeri dan swasta, setiap projek perumahan mesti tiga bilik.

Tidak boleh buat dua bilik kerana Islam sebut bahawa kalau kita ada ramai anak lelaki dan perempuan apabila umur mereka meningkat 10 tahun "hendaklah kamu asingkan anak lelaki dengan anak perempuan waktu tidur."

Jadi mestilah tiga bilik. Pertama untuk ibu dan ayah, kedua untuk anak lelaki dan ketiga bilik anak perempuan. Itulah penjagaan Islam terhadap kesucian seks. Allah Taala tahu benih seks mulai tumbuh segar pada umur 10 tahun. Kalau diletak bersama antara adik-beradik waktu malam

boleh membiak benda tidak baik, inikan pula yang tiada pertalian. Alhamdulillah sekarang semua projek perumahan di Kelantan termasuk rumah murah paling kurang tiga bilik.

Wanita: Apakah ada perubahan sebelum dan sesudah ditutup?

Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz: Saya tidak fikir perubahan boleh berlaku secara mendadak. Ini budaya puluhan tahun. Boleh jadi sepuluh tahun kemudian ada kesan. Jika tiada kesan setahun dua tidak apalah, saya puas hati kerana benda ini bukan senang.

Wanita: Sungguhpun mukadimah rogol sudah disekat tetapi ia tidak menjanjikan tiada berlakunya rogol. Sebaliknya ia mungkin berlaku dalam suasana lain. Umpamanya kalangan keluarga - bapa merogol anak, abang merogol adik.

Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz: Ini berpunca daripada kecuaian kerajaan terhadap semangat keimanan kepada Allah. Tiada siapa dapat nafikan negara kita negara sekular. Keperluan menyedarkan rakyat kepada agama tidak sehebat keperluan yang diberikan kepada masalah ekonomi. Ekonomi diberikan perhatian sebegini hebat hingga tertinggal kesedaran taqwa kepada Allah.

Misalnya rancangan TV. Jam sembilan sudah ada ranangan berpeluk-pelukan. Apabila bapa, emak dan anak tengok manusia mana yang tidak tercetus di dalam hatinya masalah seks haram ini. Begitu juga akhbar, ada penulis apabila melaporkan berita jenayah terutama seks mereka buka masalah seks sehingga begitu jelas sekali.

biakkan jenayah ini. Bagaimanapun mereka mengambil kesempatan memberi peluang kepada pembaca memahami jenayah itu. Walhal sepatutnya mereka menulis pada sudut untuk menghapuskan. Contohnya masuk bilik naik katil, pegang tangan itu dan ini, dibuka segalanya. Pendeknya ruang untuk membiakkan jenayah ini melalui kaca TV dan penulisan begitu luas sekali. Maka jadilah bapa tiri dengan anak tiri. Ini semua silap pada segi psikologi.

Wanita: Apakah ini menggalakkan ke arah itu?

Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz: Tentu, saya orang tua yang sudah beruban ini, yang dikatakan tok guru kalau tengok benda-benda begitu ada tercetus, tergerak dalam hati hal seks.

Wanita: Sepatutnya semakin kita beriman benda-benda begitu (seks) tidak menjasikan iman kita.

Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz: Antara yang beriman dengan tidak, yang pertama ramai beriman. Kedua iman laksana sebatang pokok, ia boleh jadi subur atau kurus. Kalau orang mukmin selalu didedahkan kepada benda-benda yang boleh menguruskan iman, kuruslah iman dia. Tetapi jika iman itu disogok, didedahkan dengan benda-benda yang boleh menjadi baja, kuatlah ia. Bagaimanapun kalau TV penuh dengan adegan bercium, berdakap dan majalah pun begitu, mukmin mana yang tidak kurus?

Wanita: Tidakkah menanam iman itu tanggungjawab ibu bapa sewaktu membesarakan anak-anak manakala menguatkannya tanggungjawab sendiri?

Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz: Ya, tetapi persekitarannya tidak. Al-Quran ada menyebut iman kita itu seperti

Sairatulkhadis. Macam pokok, ia berkehendakkan air dan baja. Walau bagaimana elok benih atau subur tanahnya tetapi tidak boleh lari daripada alam sekitar seperti cahaya matahari, embun dan hujan. Sebanyak mana pokok itu disiram dan dibajai segemuk itulah pokok.

Iman kita dibajai perkara seks. Dedahan kepada hal berkaitan seks lebih hebat daripada didedahi perkara-perkara yang menyubur iman sehingga menyebabkan iman Pak Lebai sendiri pun goyang kerana pendedahan yang membajai iman itu tidak sekuat sebagaimana mengkuruskannya.

Wanita: Rogol itu tidak termasuk dalam hudud tetapi rogol disamakan dengan zina. Ini bererti apabila Kanun Jenayah Syariah 11, 1993 dilaksanakan mangsa rogol dianggap berzina.?

Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz: Orang yang kena paksa memang tidak berdosa. Rogol itu ada unsur paksa sebelah pihak. Oleh sebab dipaksa, hak pihak yang kena rogol iaitu dosanya dinafikan. Tetapi perogol, si pemaksa dikira penzina. Perempuan yang dipaksa memang lain hukumnya berbanding lelaki yang memaksa atau merogolnya.

Wanita: Tidakkah mustahil mengharapkan pesalah tampil ke depan membuat ikrar atau pengakuan?

Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz: Tidak mustahil. Apabila undang-undang Islam dilaksanakan suasana akan berubah. Pada zaman nabi sendiri beberapa kes ikrar perempuan berzina berlaku dan nabi suruh dia balik dulu.

ada membuat lawatan ke Pakistan sebelum kanun ini digubal. Tetapi di Pakistan sendiri banyak ketidakadilan menimpa wanita?

Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz: Masalah utama di Pakistan undang-undang kekeluargaan masih sekular dan undang-undang ini digunakan sekali dengan undang-undang jenayah syariah. Pengalaman saya sebagai orang yang tinggal lama di Pakistan, saya kaji keadaan, tabiat dan cara orang Pakistan berfikir berbeza berbanding tabiat dan cara orang kita berfikir. Adalah sukar untuk kita meniru mereka.

Dalam kata lain walaupun undang-undang mereka kita kaji tetapi kita tidak tiru mereka. Sebaliknya kita sesuaikan mengikut keadaan tempatan. Islam memberi peluang kepada orang Islam memasukkan keadaan setempat ke dalam unsur undang-undang. Ia tidak semestinya 100 peratus syariat. Syariat boleh diterima, tiru dan pakai peraturan orang lain sekiranya ada keadilan dan tidak beranggah dengan asas Islam.

Wanita: Mengasingkan orang Islam dan bukan Islam dalam sesuatu peruntukan undang-undang mungkin boleh menimbulkan ketidakadilan. Umpamanya jika penjenayah dan mangsa berlainan agama.

Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz: Apa kita hendak buat. Sepatutnya apabila undang-undang dijalankan tidak ada pengecualian.

Bagaimanapun pada peringkat permulaan sebagai penerokaan tidak apalah. Kita beri pilihan kepada orang hukum Islam. Kemudian hakim boleh bincangkan bagaimana untuk melakukan keadilan.

Wanita: Katakan orang bukan Islam memilih undang-undang ini. Bagaimana, ia dapat dilaksanakan walhal saksi bukan Islam tidak boleh dipakai?

Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz: Mereka dihadapkan di bawah takzir. Apabila terlepas daripada hudud terlekat dengan takzir. Kalau tidak cukup syarat hudud jangan pakai hudud. Ia sendirinya turun kepada takzir. Apapun tidak mungkin mereka terlepas langsung.

Wanita: Dan tidak mungkin mereka termasuk dalam hudud?

Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz: Itu atas pilihan. Sebenarnya kami penggubal undang-undang berasa hairan mengapa orang tidak mahu hudud padahal peluang manusia dikenakan hudud terlalu tipis. Sikit saja kesamaran nabi berkata kamu mesti tolak hudud sekiranya timbul sedikit subha. Kalau nampak kesamaan sikit jangan guna hudud, gunalah takzir. Ini jelas dalam pesanan Nabi SAW.

Kesimpulannya dalam seribu satu pun belum tentu. Maka itu rang undang-undang ini ada dua seksyen hudud dan takzir. Yang hudud kita sempitkan, takzir macam biasa. Tetapi orang pula mahu hudud diluaskan sampai ramai menjadi takut.

Wanita: YB nampaknya begitu pasti bilangan yang dikenakan hudud kecil?

Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz: Pada segi kemungkinan hudud dijatuhkan ahli jawatankuasa ambil ke arah menyempit, menyukarkannya iaitu mengetatkan syarat-syarat supaya yang dihukum hudud itu betul-betul sah bersalah

mencegah. Itulah pertimbangan yang diambil. Tetapi kalau tidak kena hudud, kena takzir. Kami hanya sempitkan hudud tetapi takzir terbuka.

Wanita: Ada fatwa mengatakan sesiapa mempertikaikan hudud murtad, ini menakutkan orang bercakap menge-nainya. Apa pandangan YB?

Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz: Cakap untuk bertanya memang Islam buka peluang. Orang yang sudah Islam atau belum Islam boleh bertanya apa saja perkara Islam. Asalkan jangan bercakap sebagai degil. Bercakap sebagai hendak belajar atau tahu tidak apa-apa.

Wanita: Apakah dengan pelaksanaan undang-undang ini orang bukan Islam Kelantan lebih Islam daripada lain?

Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz: Soal siapa lebih Islam saya tidak boleh sebut. Tetapi orang Islam Kelantan telah melaksanakan satu daripada kehendak agamanya sendiri.

Wanita: Bagaimanapun jika mereka bertumpu ke luar Kelantan melakukan perkara yang dilarang - jenayah dan maksiat?

Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz: Itu di luar kuasa saya. Tetapi kita hendak mencegah rakyat kita. Undang-undang ini pencegahan daripada Allah sendiri. Ia bermakna hukuman ini daripada Allah. Kita berharap rakyat kita mencegahnya daripada kita menghukumnya. Saya yakin majoriti rakyat tidak melakukan kesalahan. Peratus yang melakukan sangat kecil. Undang-undang ketat ini hanya ditujukan kepada orang yang sedikit ini.

Wanita: Kalau dilihat pada segi hak wanita, kanun ini

mendiskriminasi wanita.

Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz: Ini memerlukan permaianan asas mengenai beberapa peruntukan al-Quran sendiri. Saksi wanita ditolak demi mahu mengetatkan kelayakan penjelasan (penerangan) agar betul-betul unggul supaya tiada orang mempersoalkannya di kemudian hari.

Bercakap mengenai hak wanita jika boleh saya mahu beri wanita 90 hari cuti bersalin. Malah kami menggalakkan penubuhan pusat penjagaan kanak-kanak supaya ibu-ibu boleh bekerja dengan tenang serta dapat menyusukan anak mereka pada waktu makan tengah hari.

Wanita: Apakah ada rancangan untuk meminda atau memperkemaskan kelemahan kanun jenayah syariah 11?

Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz: Memang saya beri peluang sepenuh untuk dipinda sekiranya berlaku sesuatu yang boleh menjelaskan kedudukannya. Tiada undang-undang yang tidak boleh dipinda. Perlembagaan kita sendiri yang dikarang Lord-Lord dari luar negara pun sudah banyak kali dipinda. Pendirian kita lebih baik dipinda daripada terhalang. Yang penting jangan sampai masuk ke bakul sampah.

Kami ini bersifat peneroka, mungkin sewaktu menggubal ada pengalaman dunia yang tertinggal. Sekiranya benar-benar mustahak dipinda saya sebagai ketua kerajaan boleh minta kepada penggubal meminda. Kecuali perkara yang kita anggap perlu pinda itu sudah ada jawapan kalangan penggubal. Saya yakin hal-hal yang disebut dalam akhbar sudah ada jawapan di kalangan penggubal bagi menangkis segala tuduhan.

Wanita: Apakah persediaan ke arah memastikan undang-undang ini dapat dilaksanakan?

Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz: Ia sedang difikirkan. Proses undang-undang ini tidak berlaku sekaligus. Sebab itu al-Quran turun 23 tahun sedikit demi sedikit. Kami telah buat bermacam-macam undang-undang dan setakat ini semua pihak memberi kerjasama. Kami berharap dalam hal ini pun begitu.

Antara persiapan yang sudah kami ambil kira, penjara. Misalnya macam mana hendak merotan mengikut hukum Islam. Ada dua batang rotan yang kita akan gunakan. Saiz dan panjang pendeknya berlain sedikit berbanding rotan yang digunakan di penjara biasa. Pendeknya, kita sudah membelanjakan RM200 ribu termasuk membayar khidmat perunding.



YAB Menteri Besar, Tuan Guru Hj. Nik Abdul Aziz Nik Mat di majlis menyambut Ramadhan dan penyampaian zakat anjuran Persatuan Bekas Perajurit Malaysia Bahagian Kelantan di JKR 10, Kampung Sirih, Kota Bharu.





Pertanian: Sektor kegiatan ekonomi terbesar dan utama Negeri Kelantan. Bagaimanapun sektor-sektor lain yang menyumbang kepada pembangunan Kelantan sedang berkembang pesat.

**ISTIMEWA UNTUK
PEMBACA BUKU INI!!**

POTONGAN 20%

POS PERCUMA (*Di Malaysia dan Singapura sahaja*)

Buku-buku tulisan Ibnu Hasyim

- 1) Tajuk : **PERSONALITI MUSLIM**
Tebal : 248 halaman
Harga : RM10
- 2) Tajuk : **PERSONALITI PERKAHWINAN**
Tebal : 286 halaman
Harga : RM10
- 3) Tajuk : **1950-2000**
Sejarah Kebangkitan
dan Masa Depan:
PAS KUASAI MALAYSIA?
Tebal : 672 halaman
Harga : RM19.50
- 4) Tajuk : **Konflik UMNO, PAS**
Satu Penyelesaian Menurut
ISLAM
Tebal : 208 halaman.
Harga : RM10.00

Pesan terus kepada:

GG Edar

28, Jalan Pahang Barat,

Off Jalan Pahang